

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) pelan Kerajaan menyusun keperluan tenaga kerja memenuhi keperluan industri terpilih; dan
- (b) perancangan pewujudan kursus TVET rentas semua Kementerian dan agensi yang disasar pasca-pandemik beserta gaji setimpal dan pencapaian HRDF menerusi kursus latihan yang ditawarkan beserta status mobiliti kerjaya setiap peserta.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Majlis Pekerjaan Negara atau *National Employment Council* (NEC) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi merealisasikan strategi menjana dan mengekalkan pekerjaan. NEC memainkan peranan yang penting bukan sahaja bagi meneruskan momentum pemulihan ekonomi dan meningkatkan penciptaan pekerjaan bahkan untuk menangani isu-isu lain yang berkaitan seperti kekurangan pekerja di sektor tertentu (*underemployment*), kesaksamaan peluang untuk golongan rentan dan penggajian.

## SOALAN NO : 26

Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara dengan struktur tadbir urus yang bersepadu telah ditubuhkan bagi meningkatkan keupayaan negara dalam mengoptimumkan perkembangan teknologi 4IR dan memastikan pertumbuhan ekonomi digital sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030.

Menerusi Majlis ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai Kluster Bakat Digital yang berperanan dalam mengenal pasti keperluan dan merancang program-program penyediaan bakat digital untuk disalurkan kepada pasaran pekerjaan negara yang mencakupi pelbagai cabang industri.

Berikutan itu, KSM bercadang untuk memperkenalkan **sistem pengesanan bersepadu (*integrated tracer*)** yang berperanan untuk memantau keberkesanan latihan kemahiran yang disediakan sebagai nilai tambah kepada peserta untuk penempatan pekerjaan mereka dan **platform digital sehenti** bagi latihan peningkatan kemahiran dan kepelbagaian kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyediakan pelbagai platform dan peruntukan dana untuk membolehkan para pekerja mahu pun bakal pekerja menyertai pelbagai program latihan kemahiran. KSM melalui jabatan dan agensi seperti Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) berperanan aktif dalam menawarkan program-program latihan secara berstruktur termasuk TVET bagi membantu melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh industri.

PSMB contohnya sentiasa memberi fokus kepada latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran pekerja melalui pelbagai skim dan program khas Kerajaan seperti Skim Bantuan Latihan-Khas (SBL-Khas), Skim Latihan Industri, PENJANA HRDCorp dan lain-lain lagi.

Lima (5) skim telah diperkenalkan melalui inisiatif PENJANA HRDCorp iaitu *Place & Train*, *B40 Development*, *SME Development*, *Industrial Revolution 4.0* dan *Gerak Insan Gemilang (GIG.)* Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat mendapat penempatan pekerjaan, *self-*

## SOALAN NO : 26

*employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka. Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 85,527 pelatih dengan bantuan kewangan berjumlah RM475 juta (geran padanan) telah diluluskan bagi mengikuti skim-skim ini. Daripada jumlah tersebut, 67,255 pelatih dengan bantuan kewangan berjumlah RM376 juta telah diluluskan yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri.

Menerusi skim *B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0* dan Gerak Insan Gemilang (GIG.), peserta dilengkapi dengan pelbagai latihan kemahiran dan ilmu baru bagi membolehkan mereka terus menyumbang kepada produktiviti syarikat dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Menjelang tahun 2030, kerajaan menasarkankan peningkatan 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi baharu dalam sektor ekonomi masa hadapan dan 60 peratus lepasan SPM memasuki aliran TVET bertujuan mengurangkan permasalahan ketidakpadanan kemahiran dan kebergantungan kepada buruh asing. Pada masa ini, program TVET ditawarkan dan dilaksanakan oleh pelbagai agensi pelaksana merentasi pelbagai Kementerian.

Bagi tujuan menambah baik penyelarasan ekosistem TVET, Kerajaan telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET). MTVET merupakan badan tertinggi dalam membuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara serta memperhalusi apa jua isu berkaitan TVET.

Bagi menyokong inisiatif ini, kolaborasi strategik merentasi kementerian yang disokong oleh penglibatan pihak industri akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan institusi latihan dapat merancang serta menghasilkan modal insan dengan ilmu dan kemahiran yang memenuhi keperluan industri, dan seterusnya dapat memasuki pasaran pekerjaan dengan gaji yang setimpal.

Sekian, terima kasih.